

NO. SOALAN: 17

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK SAPAWI BIN HAJI AMAT WASALI
@ AHMAD**

RUJUKAN : 9719

SOALAN:

Datuk Sapawi Bin Haji Amat Wasali @ Ahmad [Sipitang] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan langkah yang diambil untuk membendung penularan kegiatan militant IS atau Daesh di negara ini serta memperbetulkan persepsi "Islamophobia" terhadap Malaysia di kalangan masyarakat dunia.

JAWAPAN:

Kerajaan sentiasa bertindak untuk membendung perkembangan kumpulan pengganas Daesh daripada terus berkembang di negara ini. Tindakan-tindakan ini bukan sahaja dilakukan untuk mengekang perkembangannya bahkan untuk memperbetulkan persepsi "islamophobia" masyarakat dunia kepada Malaysia. Antara tindakan yang sedang dan akan dilakukan oleh Kerajaan adalah seperti seperti berikut:

- 1) Secara berterusan telah mengadakan kerjasama dari segi perkongsian maklumat dengan agensi-agensi perisikan luar negara khususnya negara-negara ASEAN. Hasil daripada perkongsian maklumat ini, pihak Polis telah membuat pemantauan rapi dan menjejaki mereka yang disyaki atau didapati terlibat dengan kumpulan-kumpulan pengganas;**
- 2) Nama individu-individu yang disyaki sebagai pengganas yang diperolehi hasil daripada perkongsian maklumat ini akan dipanjangkan kepada Jabatan Imigresen Malaysia untuk disenaraihitamkan dan dimasukkan ke dalam Senarai Syak (*Suspect List*) bagi menyekat pergerakan mereka di semua pintu masuk/keluar pemeriksaan imigresen di seluruh negara;**
- 3) Kerajaan juga sedang dalam usaha untuk melaksanakan *Advanced Passenger Screening System* (APSS) yang**

merupakan saringan awal ke atas pelancong untuk memasuki negara ini sebelum berlepas daripada negara asal. Ini untuk memastikan bahawa setiap warganegara asing yang ingin memasuki negara ini dapat ditapis dengan lebih awal dan terperinci;

- 4) Kerajaan dengan kerjasama Badan Bukan Kerajaan (NGO) telah menjalankan pelbagai program penerangan sebagai pencegahan melalui ceramah-ceramah, khutbah jumaat, perjumpaan, seminar, penerangan melalui surat khabar dan lain-lain medium termasuklah media sosial untuk disasarkan kepada golongan-golongan tertentu bagi menerangkan konteks jihad sebenar dan bahaya fahaman ekstrim yang menjurus ke arah kegiatan militan;**
- 5) Program penerangan kepada golongan belia seperti Program Belia Benci Keganasan diadakan dengan kerjasama NGO dan Polis DiRaja Malaysia kepada para pelajar sekolah, universiti dan NGO;**
- 6) Selain itu, kerjasama antara pihak polis dengan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) juga telah dipertingkatkan bagi memantau media-media sosial yang menjadi medium komunikasi golongan belia agar perkembangan pengaruh Daesh dapat dikekang; dan**

- 7) Menahan mereka di bawah undang-undang pencegahan seperti Akta Pencegahan Keganasan 2015 (POTA) dan Akta Pencegahan Jenayah 1959 (POCA). Mereka yang ditahan akan menjalani program pemulihan secara bersepadu melalui Modul Pemulihan Bersepadu dengan penglibatan agensi-agensi kerajaan seperti pihak polis, Jabatan Penjara Malaysia, Kementerian Dalam Negeri sendiri serta Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).**